**POLITEKNIK METrO KUALA LUMPUR**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**
No 2-14, Jalan Setiawangsa 10
Taman Setiawangsa
54200 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

POLITEKNIK MALAYSIA
METrO KUALA LUMPUR

Tel : 03 - 4251 8000
Faks : 03 – 4251 7979
Laman Web : https://pmkl.mypolycc.edu.my/
Facebook : PoliteknikMETrOKualaLumpur

Ruj. Kami : PMKL.100-2/1/10 JLD 5 (9)
Tarikh : 04 November 2025

**DR. ZURAIDAH BINTI CHE' MAN**
Ketua
Unit Kesihatan Awam
Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM)
56000 Cheras Kuala Lumpur

Ybrs Dr.,

**SURAT PENGHARGAAN ATAS JEMPUTAN DAN KERJASAMA DALAM PROGRAM KARNIVAL WARGA EMAS DAN HARI BERSAMA KOMUNITI PERUMAHAN AWAM SERI SARAWAK**

Dengan segala hormatnya, kami dari pihak Politeknik METrO Kuala Lumpur (PMKL) ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) di atas jemputan dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan Program Karnival Warga Emas dan Hari Bersama Komuniti Perumahan Awam Seri Sarawak pada 25 Oktober 2025.

2. Kerjasama ini telah membuka peluang kepada pihak kami untuk bersama-sama meraikan warga emas dalam komuniti serta meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan penjagaan kesihatan, kesejahteraan dan sokongan sosial warga emas melalui pelbagai aktiviti kesihatan, pameran dan khidmat masyarakat yang melibatkan pelbagai agensi. Program ini amat bermanfaat dalam memperkukuhkan jaringan komuniti serta memupuk kesedaran kolektif terhadap keperluan warga emas.

3. Kami amat menghargai komitmen dan dedikasi HCTM dalam menjayakan acara ini serta berharap agar hubungan kerjasama antara PMKL dan HCTM akan terus erat dan berkembang pada masa hadapan demi manfaat bersama.

Sekian, Terima Kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(Ts. ROSEMAN BIN MAT JIDIN @ JIDIN)**
Pengarah